



## 13 gelandangan di Miri akan divaksin

**TURUT SERTA...** Datuk Lee Kim Shin semasa menyertai Operasi Bersepadu Pemantauan Gelandangan di Miri, semalam.

**MIRI:** Seramai 13 gelandangan di sekitar bandar raya ini dikenal pasti untuk menerima suntik vaksin Covid-19.

Kesemua mereka dikenal

pasti menerusi Operasi Bersepadu Pemantauan Gelandangan Daerah Miri yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Baha-

gian (JPBB) Miri bersama dengan agensi di bawahnya iaitu Pejabat Residen Bahagian Miri, Pejabat Daerah Miri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), pasukan Penguatkuasa Majlis Bandaraya Miri dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Miri, pada Ahad.

Operasi bermula pada 10.00 malam hingga 1.00 pagi Isnin itu turut disertai oleh Menteri Bertanggungjawab bagi JPBB Miri, Datuk Lee Kim Shin yang juga Menteri Pengangkutan Sarawak.

Lee menerusi satu kenyataan media memberitahu bahawa operasi itu dilakukan bertujuan untuk memantau dan mengenal pasti gelandangan bagi tujuan program vaksinasi Covid-19.

"Siasatan dan semakan masih lagi dilakukan oleh Pegawai Kebajikan dan bagi gelandangan yang tidak mempunyai saudara atau tempat tinggal di sini akan diletakkan di Pusat Pemindahan Sementara Gelandangan (PPSG).

"Hasil operasi ini, seramai 13 orang gelandangan telah ditemui termasuklah dua orang gelandangan warga asing Indonesia yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri telah diambil tindakan oleh Jabatan Imigresen Bahagian Miri.

"Empat orang gelandangan pula telah dihantar balik ke rumah masing-masing oleh pihak Majlis Bandaraya Miri," katanya.

Lee berkata, pihak JPBB Miri

meminta kerjasama orang awam untuk melapor kepada Jabatan Kebajikan Miri jika mereka terjumpa gelandangan di mana-mana tempat di kawasan Bandaraya Miri melalui telefon 085-419072 dan 085-419073.

"JPBB Miri berharap agar semua warga Miri bekerjasama berganding bahu menentang penyakit jangkitan Covid-19 dengan memastikan imuniti kelompok di kalangan masyarakat di Bahagian Miri ini dapat dicapai," ujarnya.

Turut hadir, Pemangku Residen Bahagian Miri, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Miri, Jamalie Bin Busri dan Timbalan Ketua Polis Daerah, Superintendan Mohd Sabri Zainal.

Utusan Sarawak

20/07/2021